# SIARAN MEDIA

## DATUK NORLIZA ABDUL RAHIM DILANTIK SEBAGAI PENGERUSI BAHARU UDA

---

**Kuala Lumpur, 12 November 2021 –** UDA Holdings Berhad (UDA), mengumumkan pelantikan Datuk Norliza Abdul Rahim sebagai Pengerusi UDA berkuatkuasa pada 8 November 2021. Beliau dilantik menjadi Pengerusi baharu menggantikan mantan Pengerusi Datuk Seri Jalaluddin Alias yang menggalas jawatan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada Ogos tahun ini.

Datuk Norliza yang memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan), Ijazah Sarjana Muda Perancangan Kewangan Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dan Pengurusan (Perakaunan) mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang pembangunan hartanah, pengurusan harta dan dasar perumahan awam merangkumi sektor kerajaan serta swasta.

Beliau menyelia pelaksanaan lebih 25,000 unit perumahan awam, unit kediaman dan komersial semasa perkhidmatan beliau di Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta di Prime View Sdn Bhd, sebuah syarikat hartanah swasta.

Datuk Norliza juga mempunyai pengalaman luas dalam menerajui beberapa syarikat milik kerajaan dan swasta yg tersenarai di bursa merangkumi bidang hartanah, perkapalan dan juga universiti awam dan koperasi. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dari tahun 2011 hingga 2017.

“Saya akan bersama-sama barisan pimpinan UDA untuk menyambung legasi kecemerlangan UDA dan kekal utuh sebagai peneraju pembangunan bandar dalam masa yang sama terus memperkasa keluarga usahawan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana mengiktiraf Wanita, terima kasih juga pada Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas kepercayaan untuk menerajui kepimpinan UDA,” kata beliau.

Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, barisan pengurusan, serta seluruh warga kerja UDA mengalu-alukan pelantikan Datuk Norliza dalam menerajui kepimpinan syarikat. Semoga pucuk pimpinan beliau menjadi aspirasi bagi UDA meneruskan kegemilangan untuk 50 tahun akan datang.

**TAMAT**

---

**MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA) yang dulu dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Bandar (Urban Development Authority) telah ditubuhkan pada tahun 1971 dan merupakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

Selama hampir lima dekad, UDA terus komited dalam mencorakkan, membentuk serta memodenkan bandar-bandar utama di Malaysia.

Kini, UDA adalah salah sebuah organisasi yang berdaya saing dan mampan di Malaysia dengan memfokuskan pada empat teras perniagaan iaitu pembangunan hartanah (UDA Property), penyedia perkhidmatan hospitaliti (UDA Ancasa), pengurusan aset/pusat beli-belah (UDA Mall) dan pengurusan fasiliti (UDA Dayaurus).

UDA turut konsisten bekerja keras bagi memenuhi misi kami iaitu ‘Memperkasa kehidupan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan pada kadar terbaik’.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.uda.com.my. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:


- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com |+6012 291 5427
- **Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa)** | n.hanisah@udanet.com |+6013 597 4264
- **Mohamad Haziq Radhwan Mohd Yusoff** | haziq.radhwan@udanet.com |+6011 2412 0907

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel: +603 2730 8500 | Fax: +603 2731 2855


**“MEMPERKASA GAYA HIDUP LESTARI”**